



KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

BILANGAN 2 TAHUN 2022

**BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023 KEPADA PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SEMBILAN**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2023 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh YAB Menteri Besar Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun semasa sesi Pembentangan Belanjawan Tahun 2023 di Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang bertemakan "Melunas Janji, Menggalas Harapan" bertarikh 25 November 2022.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri telah membuat keputusan supaya BKK Tahun 2023 dibayar sebagai penghargaan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri. Kadar BKK Tahun 2023 yang ditetapkan adalah sebanyak **satu (1) bulan setengah gaji atau minimum RM2,500.00** yang dibayar sebanyak **dua (2) kali** iaitu **awal Januari** dan **minggu pertama April 2023**.

PELAKSANAAN

3. Tarikh pembayaran BKK Tahun 2023 adalah seperti berikut:
- Bayaran kali pertama pada **06 Januari 2023 (Jumaat)** dengan kadar **satu (1) bulan gaji atau minimum RM1,500.00**; dan
 - Bayaran kali kedua pada **07 April 2023 (Jumaat)** dengan kadar **setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00**.

PEGAWAI YANG LAYAK

4. Pegawai yang layak dibayar BKK Tahun 2023 adalah seperti berikut:
 - a. Pegawai lantikan tetap, di bawah waran perjawatan negeri, lantikan sementara, *contract of service* dan *contract for service*;
 - b. Pegawai yang bercuti separuh gaji / tanpa gaji tetapi tidak sepanjang tahun 2022;
 - c. Pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan tetapi tidak sepanjang tahun 2022;
 - d. Pegawai kontrak yang putus perkhidmatannya selama satu hari sebelum disambung semula kontrak perkhidmatannya; dan
 - e. Pegawai yang telah bersara / meninggal dunia pada tahun 2022.
5. BKK Tahun 2023 sebanyak satu (1) bulan setengah gaji purata atau minimum RM2,500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian yang tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2022.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

6. Pegawai yang tidak layak dibayar BKK Tahun 2023 adalah seperti berikut:
 - a. Pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut (termasuk semua jenis cuti bergaji penuh yang layak) dalam tahun 2022;
 - b. Pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 2022;
 - c. Pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya sepanjang tahun 2022;
 - d. Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022; dan
 - e. Pegawai yang meletak jawatan dalam tahun 2022.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN PEMBERIAN BKK TAHUN 2023

7. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian BKK Tahun 2023. Pegawai hanya layak dibayar BKK Tahun 2023 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

SYARAT PEMBAYARAN

8. Pembayaran adalah berdasarkan gaji bulan Disember 2022 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2022.

9. Bagi tujuan pengiraan kadar kelayakan BKK Tahun 2023, "gaji" adalah bermaksud seperti berikut:

- a. Gaji pokok / bayaran perkhidmatan;
- b. Gaji pokok di gred hakiki dan Elaun Pemangkuan bagi pegawai yang memangku sesuatu jawatan;
- c. Gaji yang diberi atas sebab peminjaman / pertukaran sementara;
- d. Separuh daripada gaji pokok bagi pegawai bercuti separuh gaji.

10. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang berkhidmat dalam tahun 2022 tetapi tidak sepanjang tahun layak dibayar BKK Belanjawan 2023 secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

KAEDAH PENGIRAAN

11. Kaedah pengiraan BKK Belanjawan 2023 adalah seperti dilampiran A.

JABATAN YANG MEMBAYAR

12. Pembayaran BKK Tahun 2023 adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

13. Bagi pegawai yang bersara atau meninggal dunia dan bertukar keluar daripada Kerajaan Negeri dalam tahun 2022, bayaran BKK Tahun 2023 adalah menjadi tanggungan jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

19. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAZALI BIN AB MALIK)

Setiausaha Kerajaan

Negeri Sembilan Darul Khusus

12 Disember 2022

**CONTOH PENGIRAAN
BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023**

Contoh 1: Pegawai Lantikan Baru (Lantikan Tetap dan Kontrak)

Puan Sharida telah dilantik sebagai Pembantu Tadbir Kewangan Gred W19 pada 1 April 2022 dengan gaji permulaan sebanyak RM1,200.00.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK TAHUN 2023

Pengiraan satu (1) bulan setengah Gaji Disember 2022	Pengiraan Min RM2,500.00	Bilangan hari berkhidmat
(RM,1200.00 + RM600.00) = RM 1,800.00	RM 2,500.00	275 hari

$$= {}^a \text{ Satu bulan setengah Gaji Disember 2022 } \times {}^b \text{ bil hari berkhidmat } \\ @ \text{ Min RM2,500.00 } \qquad \qquad \qquad {}^c 365$$

$$= \text{ RM2,500 } \times \frac{275}{365}$$

$$= \text{ RM 1,883.56}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (6 JANUARI 2023) * bersamaan sebulan gaji @ min RM1,500.00 @ kadar kelayakan prorata	BAYARAN KEDUA (7 APRIL 2023) * bersamaan 1/2 bulan gaji @ min RM1,000.00 @ baki
RM 1,500.00	RM 383.56

^a Ketetapan satu (1) bulan setengah gaji Disember 2022 ATAU RM2,500.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 275 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 April 2022 hingga 31 Disember 2022

^c 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 2: Pegawai Lantikan Baru (Lantikan Tetap dan Kontrak)

Encik Faizal telah dilantik sebagai Penolong Jurutera Gred J29 pada 25 November 2022 dengan gaji permulaan sebanyak RM2,878.00.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK TAHUN 2023

Pengiraan satu (1) bulan setengah Gaji Disember 2022	Pengiraan Min RM2,500.00	Bilangan hari berkhidmat
(RM2,787.00 + RM1,439.00) = RM 4,317.00	RM 2,500.00	37 hari

$$= {}^a \text{ Satu bulan setengah Gaji Disember 2022 } \times {}^b \text{ bil hari berkhidmat } \\ @ \text{ Min RM2,500.00 } \quad {}^c 365$$

$$= \text{ RM 4,317.00 } \times \frac{37}{365}$$

$$= \text{ RM 437.61}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (6 JANUARI 2023)	BAYARAN KEDUA (7 APRIL 2023)
* bersamaan sebulan gaji @ min RM 1,500.00 @ kadar kelayakan prorata	* bersamaan 1/2 bulan gaji @ min RM1,000.00 @ baki
RM 437.61	TIADA

^a Ketetapan satu (1) bulan setengah gaji Disember 2022 ATAU RM2,500.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 37 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 25 November 2022 hingga 31 Disember 2022

^c 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 3: Pegawai Bercuti Separuh Gaji Dalam Tahun 2022

Puan Fauzan yang berkhidmat sebagai Pegawai Syariah Gred LS44 telah diluluskan kemudahan Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anaknya yang sakit bagi tempoh mulai 1 April 2022 hingga 30 April 2022. Pegawai telah melaporkan diri dan bertugas semula mulai 1 Mei 2022. Gaji pegawai pada Disember 2022 adalah sebanyak RM3,583.00.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK TAHUN 2023

Pengiraan satu (1) bulan setengah Gaji Disember 2022	Pengiraan Min RM2,500.00	Bilangan hari berkhidmat	Bilangan hari Cuti Separuh Gaji (CSG)
(RM3,583.00 + RM1,791.50) = RM 5,374.50	RM 2,500.00	335 hari	30

$$\begin{aligned} &= \left\{ \begin{array}{l} \text{a Satu bulan setengah Gaji Disember 2022} \times \frac{\text{b bil hari berkhidmat}}{\text{d 365}} \\ \text{@ Min RM2,500.00--} \end{array} \right\} + \left\{ \begin{array}{l} \text{a } \frac{1}{2} \times \text{Satu bulan setengah Gaji Disember 2022} \times \frac{\text{c bil hari CSG}}{\text{d 365}} \\ \text{@ Min RM2,500.00--} \end{array} \right\} \\ &= \left\{ \text{RM 5,374.50} \times \frac{335}{365} \right\} + \left\{ \frac{1}{2} \times \text{RM 5,374.50} \times \frac{30}{365} \right\} \\ &= \text{RM 4,932.76} + \text{RM 220.86} \\ &= \text{RM 5,153.62} \end{aligned}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (6 JANUARI 2023) * bersamaan sebulan gaji @ min RM1500.00 @ kadar kelayakan prorata	BAYARAN KEDUA (7 APRIL 2023) * bersamaan 1/2 bulan gaji @ min RM1,000.00 @ baki
RM 3,583.00	RM 1,570.62

^a Ketetapan satu (1) bulan setengah gaji Disember 2022 ATAU RM2,500.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 335 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari hingga 31 Mac 2022 dan 1 Mei hingga 31 Disember 2022.

^c 30 hari - Bilangan hari Cuti Separuh Gaji (CSG) dari 1 April 2022 hingga 30 April 2022

^d 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 4: Pegawai Yang Dikenakan Tindakan Tatatertib

Surat pertuduhan tatatertib terhadap Encik Mizan yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Gred N19 telah dikeluarkan pada 15 Ogos 2022. Lembaga Tatatertib yang bersidang telah mengambil keputusan amaran dan tangguh pergerakan gaji* beliau melalui surat hukuman tatatertib yang dikeluarkan pada 20 November 2022. Gaji pegawai pada Disember 2022 adalah sebanyak RM1,491.01.

Pegawai **tidak layak** dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 sebanyak satu (1) bulan setengah gaji atau kadar minimum RM2,500.00 kerana dijatuhkan hukuman tatatertib tangguh pergerakan gaji yang dikeluarkan pada 20 November 2022.

Contoh 5: Pegawai Yang Telah Dikeluarkan Surat Pertuduhan

Surat pertuduhan tatatertib terhadap Encik Kamil yang berkhidmat sebagai Penghantar Notis Gred N11 telah dikeluarkan pada 10 Disember 2022. Walau bagaimanapun kes beliau masih belum dibawa bersidang oleh Lembaga Tatatertib. Gaji pegawai pada Disember 2022 adalah sebanyak RM2,053.00

Pegawai **ditangguhkan** dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 sehingga keputusan Lembaga Tatatertib dikeluarkan. Bergantung kepada keputusan tersebut, BKK akan hanya boleh dibayar kepada pegawai jika tidak dikenakan sebarang tindakan tatatertib atau tindakan amaran sahaja.

Nota:

*Hukuman tatatertib adalah diperuntukkan di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 seperti berikut:

- (i) amaran;
- (ii) denda;
- (iii) lucut hak emolumen;
- (iv) tangguh pergerakan gaji;
- (v) turun gaji;
- (vi) turun pangkat; atau
- (vii) buang kerja

Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib selain daripada amaran tidak layak dibayar Bantuan Khas Kewangan.

Contoh 6: Pegawai bertukar masuk dari Jabatan Persekutuan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun Negeri

Puan Suria telah bertukar masuk dari JAKIM Malaysia ke JHEAINS sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam mulai 1 Ogos 2022. Gaji Disember 2022 adalah RM3,594.00.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK TAHUN 2023

Pengiraan satu (1) bulan setengah Gaji Disember 2022	Pengiraan Min RM2,500.00	Bilangan hari berkhidmat
(RM3,594.00 + RM1,797.00) = RM 5,391.00	RM 2,500.00	153 hari

$$= {}^a \text{ Satu bulan setengah Gaji Disember 2022 } \times {}^b \text{ bil hari berkhidmat } \\ @ \text{ Min-RM2,500.00 } \quad {}^c 365$$

$$= \text{ RM 5,391.00 } \times \frac{153}{365}$$

$$= \text{ RM 2,259.78 }$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (6 JANUARI 2023) * bersamaan sebulan gaji @ min RM1,500.00 @ kadar kelayakan prorata	BAYARAN KEDUA (7 APRIL 2023) * bersamaan 1/2 bulan gaji @ min RM1,000.00 @ baki
RM 2,259.78	TIADA

^a Ketetapan satu (1) bulan setengah gaji Disember 2022 ATAU RM2,500.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 153 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Ogos 2022 hingga 31 Disember 2022

^c 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 7: Pegawai Bertukar Keluar Ke Perkhidmatan Awam Persekutuan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun Negeri

Encik Hamiza jawatan Pembantu Awam Gred H11 dan bertukar keluar dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan ke Kementerian Kerja Raya Malaysia mulai 23 Julai 2022 dengan gaji terakhir yang dibayar sebanyak RM1,980.00.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK TAHUN 2023

Pengiraan satu (1) bulan setengah Gaji Akhir 2022	Pengiraan Min RM2,500.00	Bilangan hari berkhidmat
(RM1,980.00 + RM990.00) = RM 2,970.00	RM 2,500.00	203

$$= {}^a \text{ Satu bulan setengah Gaji Akhir 2022 } \times {}^b \text{ bil hari berkhidmat } \\ @ \text{ Min-RM2,500.00 } \qquad \qquad \qquad {}^c 365$$

$$= \text{ RM 2,970.00 } \times \frac{203}{365}$$

$$= \text{ RM 1,651.80}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (6 JANUARI 2023)	BAYARAN KEDUA (7 APRIL 2023)
* bersamaan sebulan gaji @ min RM1,500.00 @ kadar kelayakan prorata	* bersamaan 1/2 bulan gaji @ min RM1,000.00 @ baki
RM 1,651.80	TIADA

Dibayar sekali sahaja kerana telah keluar dari sistem gaji

^a Ketetapan satu (1) bulan setengah gaji akhir 2022 ATAU RM2,500.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 203 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022

^c 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 8 : Pegawai Yang Telah Disahkan Kenaikan Pangkat

Puan Zegna telah disahkan kenaikan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Mei 2022 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 15 Oktober 2022. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai di Gred F44 adalah RM3,512.45.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK TAHUN 2023

Pengiraan satu (1) bulan setengah Gaji Disember 2022	Pengiraan Min RM2,500.00	Bilangan hari berkhidmat
(RM3,512.45 + RM1,756.22) = RM 5,268.67	RM 2,500.00	120 hari (gred lama) 245 hari (gred baru) 365 hari

$$= {}^a \text{ Satu bulan setengah Gaji Disember 2022 } \times {}^b \text{ bil hari berkhidmat } \\ @ \text{ Min RM2,500.00 } \quad \quad \quad {}^c 365$$

$$= \text{ RM 5,268.67 } \times \frac{365}{365}$$

$$= \text{ RM 5,268.67 }$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (6 JANUARI 2023)	BAYARAN KEDUA (7 APRIL 2023)
* bersamaan sebulan gaji @ min RM1,500.00 @ kadar kelayakan-prerata	* bersamaan 1/2 bulan gaji @ min RM1,000.00 @ baki
RM 3,512.45	RM 1,756.22

^a Ketetapan satu (1) bulan setengah gaji Disember 2022 ATAU RM2,500.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 365 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022

^c 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Encik Azmi telah dinaikkan pangkat secara Pemangku sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2022 dan belum menerima Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat. Gaji diterima pegawai pada bulan Disember 2022 di Gred F41 ialah RM3,890.00 dan elaun memangku RM250.00.

Pengiraan satu (1) bulan setengah Gaji Disember 2022	Pengiraan Min RM2,500.00	Bilangan hari berkhidmat
(RM3890.00 + RM250.00) + 2,070.00 = RM 6,210.00	RM 2,500.00	365 hari

= RM 6,210.00

BAYARAN PERTAMA (6 JANUARI 2023) * bersamaan sebulan gaji @ min RM1,500.00 @ kadar kelayakan prorata	BAYARAN KEDUA (7 APRIL 2023) * bersamaan 1/2 bulan gaji @ min RM1,000.00 @ baki
RM 4,140.00	RM 2,070.00

^c 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 10 : Pegawai Yang Diluluskan Pertukaran Secara Peminjaman / Pertukaran Sementara

Encik Bahri yang berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 telah dipinjamkan ke Badan Kawal Selia Air dari 1 Jun 2022 hingga 31 Mei 2024 dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia. Gaji pada bulan Disember yang diterima adalah RM5,936.00 termasuk Insentif Peminjaman.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK TAHUN 2023

Pengiraan satu (1) bulan setengah Gaji Disember 2022	Pengiraan Min RM2,500.00	Bilangan hari berkhidmat
(RM5,936.00 + RM2,968.00) = RM 8,904.00 (termasuk Insentif Peminjaman)	RM 2,500.00	214

$$= \begin{matrix} a & \text{Satu bulan setengah Gaji Disember 2022} & \times & b & \text{bil hari berkhidmat} \\ & @ \text{Min RM2,500.00} & & & c & 365 \end{matrix}$$

$$= \text{RM } 8,904.00 \times \frac{214}{365}$$

$$= \text{RM } 5,220.42$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (6 JANUARI 2023) * bersamaan sebulan gaji @ min RM1,500.00 @ kadar kelayakan prorata	BAYARAN KEDUA (7 APRIL 2023) * bersamaan 1/2 bulan gaji @ min RM1,000.00 @ baki
RM 5,220.42	TIADA

^a Ketetapan satu (1) bulan setengah gaji Disember 2022 (Gaji pokok + Insentif Peminjaman) ATAU RM2,500.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 214 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Jun 2022 hingga 31 Disember 2022

^c 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 11 : Pegawai Yang Bersara Pada Tahun 2022

Encik Aidil yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Kewangan Gred W26 telah bersara wajib pada 10 September 2022. Gaji terakhir pegawai adalah RM3,497.00.

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK TAHUN 2023

Pengiraan satu (1) bulan setengah Gaji Akhir 2022	Pengiraan Min RM2,500.00	Bilangan hari berkhidmat
(RM3,497.00 + RM1,748.50) = RM5,245.50	RM 2,500.00	252

$$= \text{a Satu bulan setengah Gaji Akhir 2022} \times \text{b bil hari berkhidmat}$$

$\text{@ Min RM2,500.00} \qquad \qquad \qquad \text{c 365}$

$$= \frac{\text{RM 5,245.50} \times 252}{365}$$

$$= \text{RM 3,621.55}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (6 JANUARI 2023)	BAYARAN KEDUA (7 APRIL 2023)
* bersamaan sebulan gaji @ min RM1,500.00 @ kadar kelayakan prorata	* bersamaan 1/2 bulan gaji @ min RM1,000.00 @ baki
RM 3,621.55	TIADA

Dibayar sekali sahaja kerana telah keluar daripada sistem gaji

-
- a. Ketetapan satu (1) bulan setengah gaji akhir 2022 (Gaji pokok + Insentif Peminjaman) ATAU RM2,500.00 (mana yang lebih tinggi)
 - b. 252 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2022 hingga 9 Disember 2022
 - c. 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

CONTOH 12 : Pegawai Yang Meninggal Dunia Pada Tahun 2022

Puan Mona yang berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Tadbir Gred N40 telah meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 15 Januari 2022. Gaji terakhir pegawai adalah RM 5,760.00.

Pegawai **tidak layak** dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 sebanyak satu (1) bulan gaji atau kadar minimum RM2,500.00 kerana tidak cukup perkhidmatannya sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2022.

Contoh 13: Pekerja Sambilan Harian

Encik Zarul telah dilantik sebagai Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada 1 Ogos 2022 dengan tempoh kontraknya selama 3 bulan. Beliau dibayar gaji sebanyak RM72.00 secara harian berdasarkan bilangan hari beliau berkhidmat. Setelah tempoh kontrak berakhir, pegawai telah disambung kontraknya dari 1 November 2022 hingga 31 Januari 2023.

Bulan	Bilangan hari berkhidmat*	Gaji diterima (RM)
Ogos	22	1,584.00
September	21	1,512.00
Oktober	19	1,368.00
November	20	1,440.00
Disember	21	1,512.00
GAJI PURATA		1,483.20

*tidak termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am

PENGIRAAN KADAR KELAYAKAN BKK TAHUN 2023

Pengiraan satu (1) bulan setengah Gaji purata 2022 (RM1,483.20 + RM741.60) = RM2,224.60	Pengiraan Min RM2,500.00 RM2,500.00	Bilangan bulan berkhidmat 5
---	--	------------------------------------

$$= {}^a \text{ Satu bulan setengah Gaji Akhir 2022 } \times {}^b \text{ bil bulan berkhidmat } \\ @ \text{ Min RM2,500.00 } \quad {}^c 12$$

$$= \text{RM2,500.00} \times \frac{5}{12}$$

$$= \text{RM1,041.66}$$

KAEDAH BAYARAN BKK

BAYARAN PERTAMA (6 JANUARI 2023)	BAYARAN KEDUA (7 APRIL 2023)
* bersamaan sebulan gaji @ min RM1,500.00 @ kadar kelayakan prorata	* bersamaan 1/2 bulan gaji @ min RM1,000.00 @ baki
RM 1,041.66	TIADA

^a Ketetapan satu (1) bulan setengah gaji purata ATAU RM2,500.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 5 bulan - Bilangan bulan berkhidmat dari bulan Ogos hingga Disember 2022

^c 12 bulan - Bilangan bulan dari bulan Januari hingga Disember 2022